

Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21: Isu dan Cabaran di Brunei Darussalam

RESUME: Perubahan dasar pendidikan sesebuah negara dilakukan adalah bagi meningkatkan kebolehan dan kemahiran sumber tenaga manusia serta perkembangan dan kemajuan negara berkenaan. Sistem Pendidikan Bersepadu di Negara Brunei Darussalam, yang ingin menggabungkan mata pelajaran umum (sekular) dengan agama, yang diolah dalam satu jadual waktu persekolahan, adalah gagal disebabkan oleh banyak faktor. Oleh itu, wujud satu pemikiran untuk merancang dan memberikan sistem pendidikan yang lebih baik sesuai dengan keperluan semasa. Makalah ini akan membincangkan SPN21 (Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21) di Brunei Darussalam dengan penumpuan kepada falsafah negara MIB (Melayu Islam Beraja). Perkara yang akan disentuh adalah mengenai tujuan dan matlamat SPN21 dengan kerangka kurikulumnya, kedudukan Melayu Islam Beraja, serta isu-isu dan cabaran yang dihadapi oleh SPN21. Di akhir perbincangan akan dapat diketahui tujuan dan matlamat SPN21, iaitu bagi menyediakan pendidikan berkualiti dan serba lengkap bagi mencapai potensi yang penuh bagi semua rakyat Brunei Darussalam. Mata pelajaran Melayu Islam Beraja telah dijadikan sebagai mata pelajaran teras, bersama-sama dengan Bahasa Melayu, Pengetahuan Ugama Islam, Matematik, dan Sains. Antara isu dan cabaran yang dihadapi adalah dari segi memperkukuhkan falsafah negara Melayu Islam Beraja itu sendiri, khususnya penggunaan Bahasa Melayu, dan kekurangan guru-guru serta buku-buku mengenai falsafah negara tersebut.

KATA KUNCI: Sistem pendidikan negara, Brunei Darussalam, Melayu Islam Beraja, identiti bangsa, abad ke-21, serta isu dan cabaran semasa.

ABSTRACT: This paper entitled "National Education System for the 21st Century: Issues and Challenges in Brunei Darussalam". Changes in a country's education policies do are to enhance the capability and skills of human resources and the development and progress of the country. Integrated Education System in Brunei Darussalam, that wants to combine the general subjects (secular) and (Islamic) religion is treated in a school timetable, are failing due to many factors. Therefore, there is a thought to plan and provide a better education system based on the needs currently. This article discusses the SPN21 (National Education System for the 21st Century) in Brunei Darussalam with a focus on the philosophy of MIB (Malay Islamic Monarchy). Things that will be covered are the purpose and goals of SPN21 curriculum framework, the Malay Islamic Monarchy, and the issues and challenges faced by SPN21. At the end of the discussion will be discovered the SPN21 aims and objectives, namely to provide quality of education and a well-equipped to meet the full revenue potential of all the people of Brunei Darussalam. The subject of the Malay Islamic Monarchy is used as the core subjects, along with Malay language, Islamic Religious Knowledge, Mathematics, and Science. Among the issues and challenges are in terms of strengthening the national philosophy of Malay Islamic Monarchy itself, in particular the use of the Malay language, and the shortage of teachers as well as books on the philosophy of the country.

KEY WORD: The education system of the country, Brunei Darussalam, Malay Islamic Monarchy, national identity, the 21st century, and current issues and challenges.

PENDAHULUAN

Pendidikan formal di Negara Brunei Darussalam mula diperkenalkan pada tahun 1914 dengan dasar bagi membolehkan anak-anak Melayu dapat membaca dan menulis menggunakan huruf Rumi sahaja, dan seterusnya bagi mewaris kerjaya orang tua mereka sebagai nelayan atau petani. Dasar pendidikan Brunei hanya dikeluarkan

secara rasmi pada tahun 1954, dengan dasar memberikan pendidikan kepada semua orang Melayu di sekolah Melayu, Inggeris, atau Vokasional dari peringkat rendah sehingga ke pengajian tinggi di luar negeri, bagi mengatasi kekurangan sumber tenaga manusia yang terpelajar dan profesional dalam berbagai bidang.

Prof Madya Ampuan Dr Haji Brahim bin Ampuan Haji Tengah ialah Pensyarah Kanan di Fakulti Sastera dan Sains Sosial UBD (Universiti Brunei Darussalam), Jalan Tunku Link, Gadong, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Bagi urusan sebarang akademik, penulis dapat dihubungi dengan lamat emel: ampuanb@yahoo.com

Setelah itu, pada tahun 1962, Dasar Pendidikan Negara baru telah dikeluarkan yang dihasratkan bagi mewujudkan sistem pendidikan kebangsaan, iaitu menyatukan sekolah berbagai aliran dengan bahasa pengantarnya Bahasa Melayu (Haji Ahmad, 1989). Dasar ini dibuat atas desakan berbagai pihak dan juga laporan daripada Aminuddin Baki dan Paul Chang yang telah membuat penilaian sistem pendidikan Brunei pada masa itu.¹

Kemudian, setelah Dasar Pendidikan 1962 kurang menepati matlamat yang diharapkan, akibat antaranya kesan rusuhan perkauman di Malaysia pada 13 Mei 1969 dan Brunei menolak memasuki Persekutuan Malaysia yang menyebabkan Brunei tidak mendapat bantuan guru-guru daripada Malaysia, maka Dasar Pendidikan 1972 pula diperkenalkan. Setelah Brunei mencapai kemerdekaan pada 1 Januari 1984, kerajaan telah mengisytiharkan satu lagi dasar pendidikan baru pada 9 April 1984, iaitu Dasar Pendidikan Dwibahasa yang mengutamakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar bagi kebanyakan mata pelajaran di darjah empat hingga enam (Haji Jibah, 1983; dan Asbol bin Haji Mail, 2006).

Selepas itu, pada tahun 2002, Kementerian Pendidikan telah memperkenalkan Sistem Pendidikan Bersepadu dengan dasar menggabungkan mata pelajaran umum dan agama yang diolah dalam satu jadual waktu persekolahan, serta dikendalikan semuanya oleh Kementerian Pendidikan (sebelumnya, Kementerian Pendidikan mengendalikan mata pelajaran umum dan Kementerian Hal Ehwal Ugama mengendalikan mata pelajaran agama). Disebabkan terdapat beberapa masalah yang dihadapi, maka sistem ini gagal dan berakhir pada tahun 2005. Pada tahun 2009, Kementerian Pendidikan telah memperkenalkan satu lagi sistem pendidikan negara yang dipanggil sebagai Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21 (SPN21), yang diharapkan akan melahirkan tenaga manusia yang menepati

¹Lihat juga, contohnya, "Sistem Pelajaran Kita Harus Segara Dirubah" dalam *Majalah Suara Guru*, Keluaran ke-3. Brunei: Persekutuan Guru-guru Melayu Brunei, Februari 1962.

matlamat dan tujuan SPN21 tersebut.

Sementara itu konsep atau falsafah negara, Melayu Islam Beraja (MIB), yang secara rasminya telah diisytiharkan oleh KDYMM (Kebawah Duli Yang Maha Mulia) Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah pada 1 Januari 1984, pada saat-saat pencapaian kemerdekaan Negara Brunei Darussalam, telah menekankan bahawa falsafah ini akan menjadi pegangan untuk selama-lamanya kepada Negara Brunei Darussalam.²

[...] Negara Brunei Darussalam adalah dan dengan izin serta limpah kurnia Allah Subhanahu Wa-Ta'ala akan untuk selama-lamanya kekal menjadi sebuah Negara Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat, dan demokratik bersendikan kepada ajaran-ajaran agama Islam menurut Ahli Sunnah Waljamaah dan dengan berdasarkan keadilan dan amanah dan kebebasan, dan dengan petunjuk serta keredhaan Allah Subhanahu Wa-Ta'ala jua akan berusaha pada memperoleh ketenteramaan dan keselamatan, kebajikan, serta kebahagiaan bagi rakyat Beta.³

Walaupun falsafah MIB (Melayu Islam Beraja) baru sahaja diisytiharkan pada ketika itu, para peneliti dan pengkaji sejarah melihat perkara ini bukanlah sesuatu yang baru bagi negeri Brunei, malah terdapat pendapat yang mengatakan bahawa falsafah itu sudah wujud sejak Awang Alak Betatar (1363-1402) memerintah Brunei sebagai raja Brunei yang pertama, yang telah masuk Islam pada tahun 1368 dengan mengambil gelaran Islam sebagai *Sultan Muhammad Shah* (Haji Abdul Hamid, 2003). Brunei Darussalam pada masa itu sudah pun mempunyai ciri-ciri "Melayu, Islam, dan Beraja" kerana Brunei pada masa itu sudah pun diperintah oleh seseorang Raja yang beragama Islam, berbangsa Melayu dan berbahasa Melayu (Hadi Abdullah, 1992).

Selain itu, institusi pentadbiran tertinggi negara yang dikenali sebagai *Wazir, Ceteria,*

²Lihat, umpamanya, Pehin Haji Awg Mohd Jamil al-Sufri (1992:206-207). Gelaran penuh penulisnya sekarang ialah Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Jamil al-Sufri.

³Lihat "Titah daripada KDYMM (Kebawah Duli Yang Maha Mulia) Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, semasa Pengisytiharan Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam, pada 1hb Januari 1984".

dan *Manteri* juga dipegang oleh bangsa atau orang Melayu yang beragama Islam, yang biasanya terdiri daripada kerabat Diraja dan pemimpin yang berpengaruh. Sementara itu, undang-undang Islam sebagai undang-undang negara telah digubal dan dilaksanakan di zaman pemerintahan Sultan Brunei yang ketiga, iaitu Sultan Sharif Ali, 1425-1432.⁴ Keadaan ini tentunya menunjukkan bahawa dasar-dasar pendidikan Brunei yang diperkenalkan itu mempunyai hubungan atau didasari oleh falsafah Melayu Islam Beraja.

Makalah ini akan membincangkan SPN21 (Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21) dengan memberikan tumpuan kepada kedudukan Melayu Islam Beraja sebagai mata pelajaran dan falsafah negara. Apakah matlamat dan tujuan SPN21 tersebut; serta apakah isu dan cabaran yang dihadapi oleh sistem pendidikan baru ini, khususnya dalam memelihara dan memperteguhkan falsafah negara Melayu Islam Beraja tersebut?

SISTEM PENDIDIKAN NEGARA ABAD KE-21

Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21, atau SPN21, telah mula diperkenalkan dalam tahun 2008 menggantikan Sistem Pendidikan Bersepadu yang diperkenalkan oleh Menteri Pendidikan pada masa itu, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Awang Haji Umar. SPN21 ini telah dilaksanakan sepenuhnya tahun berikutnya, iaitu setelah perancangan rasminya pada 5 Januari 2009, yang telah disempurnakan oleh Menteri Pendidikan pada waktu itu, iaitu Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman.

Rancangan mewujudkan SPN21 bagi menggantikan sistem pendidikan bersepadu sebelumnya adalah ekoran daripada Titah KDYMM (Kebawah Duli Yang Maha Mulia) Paduka Seri Baginda Sultan Haji

Hassanal Bolkiah, sempena ulang tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang ke-19, pada 23 Februari 2003. KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah menitahkan, antara lain, bahawa pendidikan negara hendaklah menyediakan program-program yang dinamik dan melihat ke hadapan (*forward looking*) dalam menyediakan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang berguna kepada industri dan lain-lain perkhidmatan dengan tidak mengabaikan nilai-nilai penting.⁵

Berdasarkan titah tersebut, Negara Brunei Darussalam memerlukan program pendidikan yang sentiasa berubah dan dapat menyediakan para pelajar dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan oleh industri, disamping tidak mengabaikan nilai-nilai penting. Bagi penulis, nilai-nilai penting yang dimaksudkan itu adalah merujuk kepada nilai-nilai moral yang baik, akhlak yang terpuji, bersemangat patriotisme yang mencintai negara, bangsa, bahasa, dan warisan budaya sebagai jati diri atau identiti. Hal ini memperlihatkan pula bahawa sistem pendidikan sebelumnya tidak lagi sesuai dengan perkembangan dunia global dewasa ini dan keperluan negara yang berbilang dan meningkat.

Oleh itu, Kementerian Pendidikan telah merangka sistem pendidikan baru bagi menggantikan sistem pendidikan yang lama, sesuai dengan visi dan misi *plan* strategik Kementerian Pendidikan, 2012-2017. Strategik *plan* yang baru bagi menggantikan strategik yang lama (2007-2012) adalah termasuk perubahan besar dalam sistem pendidikan negara yang dikenali sebagai SPN21, seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apang, Menteri Pendidikan Negara Brunei Darussalam, seperti berikut:

⁴Lihat juga Pehin Ustaz Haji Awg Yahya bin Haji Ibrahim (2000:139). Gelaran penuh beliau ialah Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awg Yahya bin Haji Ibrahim.

⁵Lihat "Titah daripada KDYMM (Kebawah Duli Yang Maha Mulia) Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, semasa sempena ulang tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang ke-19, pada 23 Februari 2003".

The Ministry of Education Strategic Plan, 2012-2017, builds upon the Ministry's first Strategic Plan covering the period 2007-2012. Under this previous plan, the Ministry saw a number of initiatives implemented, including the major change to the National Education System for the 21st Century or SPN21 (MoE Brunei Darussalam, 2012:i).

Usaha Kementerian Pendidikan dalam merangka, membentuk, dan memperkenalkan sistem pendidikan yang baru pada tahun 2008, yang dikenali sebagai SPN21, telah disambut baik dan disokong penuh oleh KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan, melalui titahnya semasa sambutan Hari Guru 2008, seperti berikut:

Kita perlu mempunyai sistem pendidikan yang sentiasa relevan dengan tuntutan zaman. Kita tidak mahu tercicir di belakang, sambil kebekuan membelenggu kita. Kerana itu, Beta amat gembira bilamana Kementerian Pendidikan sedang mengemaskinikan Sistem Pendidikan Negara, yang dikenali sebagai Sistem Pendidikan Negara Abad 21 atau SPN21. Langkah ini wajar demi menyedari bahawa arus proses globalisasi tidak akan menunggu sesiapa pun.⁶

Perubahan dasar pendidikan yang sering dilakukan adalah bagi meningkatkan kebolehan dan kemahiran sumber tenaga manusia serta perkembangan dan kemajuan negara. Sistem Pendidikan Bersepadu, yang ingin menggabungkan mata pelajaran umum (sekular) dengan agama yang diolah dalam satu jadual waktu persekolahan, adalah gagal disebabkan oleh kurangnya persediaan logistik untuk menampung kedua-dua aliran sekolah dalam satu bumbung, dan juga adanya pemikiran untuk merancang dan memberikan sistem pendidikan yang lebih baik sesuai dengan keperluan semasa.

Tujuan dan matlamat SPN21, yang telah diperkenalkan, adalah untuk memenuhi keperluan-keperluan dan cabaran-cabaran perkembangan pembangunan ekonomi dan sosial abad ke-21, dan seterusnya merealisasikan visi dan misi Kementerian Pendidikan. Di bawah *plan* strategik

⁶Lihat, contohnya, "Titah KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dalam titahnya di Sambutan Hari Guru Tahun 2008".

Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam, 2012-2017, visi Kementerian Pendidikan adalah "*Pendidikan Berkualiti ke Arah Negara yang Membangun, Aman, dan Sejahtera*"; dengan misi "*untuk Memberikan Pendidikan yang Holistik (Sempurna) bagi Mencapai Pontensi yang Penuh bagi Semua*".

Menurut dokumen Kerangka dan Panduan bagi Kurikulum dan Penilaian SPN21, yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam, kurikulum SPN21 yang disediakan adalah meluas, seimbang, relevan, dan berbeza mengikut keperluan pelajar demi memberi peluang untuk mereka terus maju dalam pembelajaran. Kurikulum ini lebih bersifat responsif terhadap perubahan-perubahan yang berlaku dalam dunia global dan ekonomi. Ia menumpukan kepada pengajaran dan pembelajaran mengikut keperluan pelajar secara individu, disamping menyediakan ruang yang optima untuk pelajar mencapai kemajuan.

Kurikulum SPN21 memberikan tumpuan kepada pelajar (*student centred*), yang menjadi sasaran utama kurikulum, menjadi fokus pengajaran dan pembelajaran yang disesuaikan dengan keperluan, keupayaan, dan gaya belajar setiap pelajar untuk membolehkan mereka melibatkan diri secara aktif dalam setiap aktiviti pembelajaran secara berkesan. Tumpuan kedua adalah pembinaan perkembangan pelajar secara menyeluruh dengan menekankan kepada pengetahuan, kefahaman, kemahiran asas, serta sikap dan nilai. Tumpuan ketiga adalah memberikan pendidikan yang seimbang dengan menyediakan pelbagai ilmu pengetahuan dan pengalaman pembelajaran yang meluas.

Disediakan sembilan bidang pembelajaran untuk mendapatkan ilmu pengetahuan, kemahiran asas, serta membentuk sikap dan nilai yang relevan. Tumpuan keempat adalah membina perspektif dan kefahaman pelajar dengan menyediakan pelbagai kemahiran bernilai tambah yang diintegrasikan secara merentas kurikulum. Antara yang diintegrasikan ialah MIB (Melayu Islam Beraja) sebagai

falsafah negara, kemahiran berfikir sebagai keperluan utama dalam pembelajaran, literasi digital sebagai kemahiran asas pembelajaran, keusahawanan bagi membina asas kemahiran perniagaan yang boleh digunakan dalam kehidupan seharian, program kemahiran masyarakat bagi membina kemahiran berkerjasama dan saling hormat menghormati, dan ko-kurikulum untuk mendokong pendidikan secara holistik.

Kerangka kurikulum SPN21 yang disediakan oleh Jabatan Kurikulum Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam memenuhi tiga persoalan utama, iaitu apa yang hendak dicapai, bagaimana pembelajaran diatur, dan sejauh mana matlamat tercapai. Persoalan ini ditangani melalui sembilan perkara, iaitu: (1) misi Kementerian Pendidikan untuk menyediakan pendidikan secara holistik untuk mencapai pontensi yang sepenuhnya; (2) dengan hasrat atau matlamat untuk membentuk pelajar yang serba berkebolehan, meningkatkan pencapaian pelajar, memperkembangkan kemahiran pembelajaran sepanjang hayat dan menyediakan pelajar yang berkemahiran tinggi; (3) hasrat ini dicapai melalui tiga tema strategik, iaitu organisasi yang profesional bertanggungjawab dan efisien, pendidikan berkualiti, dan kecemerlangan pengajaran dan pembelajaran; (4) kerangka ini memfokuskan pembelajaran, iaitu pengetahuan dan kefahaman, kemahiran asas, sikap, dan nilai; (5) bidang pembelajaran yang ditumpukan adalah pengetahuan agama Islam, pendidikan kenegaraan, bahasa, matematik, sains, pendidikan jasmani dan kesihatan, sains kemasyarakatan dan kemanusiaan, teknologi, dan kesenian dan kebudayaan; (6) hasil pembelajaran adalah berfokus kepada apa yang pelajar ketahui dan dapat lakukan setelah mempelajari; (7) penilaian dibuat melalui tiga bentuk penilaian, iaitu penilaian sendiri, penilaian pembelajaran, dan penilaian pencapaian; (8) pedagogi pengajaran pra-sekolah, rendah, dan menengah adalah bersifat integrasi, tematik, topikal, inklusif, berasaskan konteks,

pengkhususan, dan modular “ceria, bermain, dan belajar lebih”; serta (9) mengadakan mekanisme pemantauan yang komprehensif dan sistematik.

Bagi mengukur hasil pelaksanaan tersebut, kajian dan penilaian perlu memiliki instrumen pemantauan yang tepat. Proses pemantauan perlu dilakukan dari semasa kesemua bagi mengenal pasti kekurangan dalam pelaksanaan untuk diperbaiki dengan segera (JPK, 2009).

Jadi, apa yang hendak dicapai dalam kurikulum SPN21 adalah untuk membentuk pelajar sebagai sumber tenaga manusia yang berpengetahuan, berkebolehan, berkemahiran, dan mempunyai kepakaran. Untuk itu, pendidikan yang disediakan mestilah lengkap dan menyeluruh, organisasi yang mengendalikan pula mestilah profesional dengan teknik pengajaran yang menarik, berfokus, dengan sistem penilain dan pemantauan yang baik dan bersistematik.

KEDUDUKAN MATA PELAJARAN MIB: ISU DAN CABARAN

Melayu Islam Beraja (MIB) adalah bidang pembelajaran yang digolongkan sebagai pendidikan kenegaraan, yang bertujuan untuk: (1) Menanam akhlak, nilai-nilai terpuji, dan moral melalui pendidikan MIB; (2) Memahami dan menghayati nilai-nilai terpuji selaras dengan falsafah MIB; (3) Menyuburkan dan meningkatkan persefahaman dan kerjasama dengan mengamalkan sikap bertanggungjawab dan pemedulian dalam apa jua pekerjaan yang diamanahkan; (4) Mengamalkan nilai-nilai moral atau akhlak yang mulia untuk mengekalkan perpaduan sosial dan kesejahteraan hidup bermasyarakat; (5) Menyumbang secara positif kepada kemajuan masyarakat, bangsa, dan negara dari segi agama, budaya, sosial, ekonomi, dan politik; (6) Mencintai, menyayangi, dan bertanggungjawab terhadap agama, bangsa, raja, dan negara; serta (7) Membina kehidupan yang harmoni sebagai sebuah komuniti tanpa mengira bangsa, keturunan, dan kepercayaan (Haji Ibrahim, 2003).

Tujuan yang digariskan di atas

menepati falsafah MIB itu sendiri, yang perlu diketahui, difahami, dan diamalkan oleh setiap penduduk dan rakyat Negara Brunei Darussalam. Falsafah MIB yang mengandungi tiga unsur, iaitu Melayu, Islam, dan Beraja adalah integral dengan Islam sebagai dasar penyatuannya. Ketiga-tiga unsur ini saling bergantung dan berkait rapat di antara satu dengan yang lain. Falsafah ini secara umum menetapkan bahawa Negara Brunei Darussalam sebagai “negara Melayu” yang mengamalkan “nilai-nilai Islam” dan sistem “pemerintahan Beraja” (Duraman Tuah, 2001).

Bagaimanapun, untuk membicarakan dengan lebih jelas, maka setiap unsur falsafah ini dapat dibincangkan secara berasingan. Dari segi “Melayu”, unsur ini menetapkan bahawa nilai orang-orang Melayu Brunei yang diwarisi turun-temurun sebagai jati diri atau identiti kehidupan bermasyarakat dan bernegara. Identiti orang-orang Brunei yang utama adalah Bahasa Melayu, iaitu bahasa bangsa rumpun Melayu yang telah menjadi bahasa perhubungan dan persuratan sejak dahulu lagi (Haji Abdul Hamid, 2005). Sebagai identiti bangsa, Bahasa Melayu telah menjadi bahasa rasmi Negara Brunei Darussalam.

Nilai orang-orang Melayu Brunei pertama adalah budi, iaitu berbudi bahasa, berbudi pekerti, dan bijaksana. Nilai ini telah menjadikan orang Brunei sebagai bangsa yang bermoral mulia, seperti bersopan-santun (berawar galat), beradab, baik perangai, suka menolong (tidak camah mata), cakah, berampit-ampitan (tidak nafsu-nafsi), berkarir untuk mencapai kejayaan, hormat-menghormati, dan bertolak-ansur (Awang Mohd Jamil al-Sufri, 2008).

Nilai orang-orang Melayu Brunei kedua adalah adat resam yang menjadikan orang-orang Brunei beradat-istiadat dan berkebudayaan Melayu. Nilai ini telah menjadikan orang-orang Brunei sebagai bangsa yang beradat-istiadat, berkebudayaan Melayu, dan bertata-susila yang baik, seperti mentaati raja (pantang menderhaka kepada raja), kuat berugama,

menghormati indung bapa dan orang tua-tua (orang yang dituakan), hidup berbangsanak, dan seumpamanya (Haji Abdul Hamid, 1999).

Dari segi “Islam”, unsur ini menetapkan bahawa Islam sebagai cara hidup yang lengkap dan menjadi teras kehidupan bermasyarakat dan bernegara dengan nilai-nilai yang dapat mengwujudkan kesejahteraan dan keharmonian hidup semua. Nilai-nilai Islam yang diamalkan oleh orang Melayu Brunei, sejak dahulu, adalah mempunyai akhlak mulia, seperti jujur, amanah, ihsan, ikhlas, berdisiplin, sentiasa bersyukur, sabar, sederhana, bertanggung jawab, rendah diri, pemurah, menghormati dan mematuhi undang-undang, mentaati pemerintah, menghormati guru, membenci dan takut berbuat kemungkaran dan maksiat, tidak menindas sesama manusia, berlaku adil, tidak lupa diri, berani menegakkan kebenaran, dan menghargai hubungan persaudaraan sesama manusia (Awang Mohd Jamil al-Sufri, 2009).

Dari segi “Beraja”, unsur ini menetapkan bahawa nilai dan sistem pemerintahan yang secara turun-temurun telah mendaulatkan raja sebagai ulil ambri. Sistem ini telah menjalankan pemerintahan berdasarkan keadilan dan pertanggungjawaban dengan prinsip “raja wajib adil dan rakyat wajib taat; raja tidak boleh zalim dan rakyat tidak boleh derhaka kepada raja”. Nilai beraja yang diamalkan sejak dahulu adalah taat setia atau mentaati Raja, sebagai ketua pemerintahan yang melaksanakan amanah Allah untuk memerintah rakyatnya dengan adil bersendikan muafakat dan syura. Nilai ini menjadikan orang-orang Brunei sebagai bangsa yang mempunyai raja, bermartabat, beraja, dan sentiasa melestarikan kewujudan raja dan adat-istiadatnya (Haji Abdul Hamid, 1993).

Dalam menyebarkan, mengamalkan, dan melestarikan falsafah MIB (Melayu Islam Beraja) ini, maka pendidikan formal di sekolah merupakan salah satu elemen penting yang boleh mengambil peranan yang maksimal untuk merealisasikan. Dalam SPN21 (Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21), pelajar adalah sasaran utama

untuk mencapai tujuan tersebut dengan fokus pengajaran dan pembelajaran haruslah disesuaikan dengan keupayaan dan gaya belajar untuk membolehkan mereka melibatkan diri dalam aktiviti yang dirancang. Bahan kurikulum bagi mata pelajaran ini adalah berasaskan pelbagai buku teks, buku kerja/aktiviti, buku sumber/panduan guru, dan bahan multimedia (buku elektronik, CD-ROM, DVD, *courseware*, dan laman web).

Dari segi pedagogi, MIB haruslah diajar dengan menggunakan pelbagai kaedah dan teknik yang berasaskan pendekatan "ceria, bermain, dan belajar lebih" atau *Fun, Play, and Learn More*. Pembelajaran adalah berpusat kepada pelajar, dan guru hanya berperanan sebagai fasilitator dan kaunselor. Selain itu, pembelajaran juga menekankan aplikasi pengetahuan, kefahaman, dan kemahiran generik, serta penggunaan ICT (*Information and Communication Technology*) yang lebih meluas. Sementara itu, dari segi penilaian pula, MIB seperti juga dengan mata pelajaran lain menggunakan penilaian sendiri, penilaian pembelajaran, dan penilaian pencapaian.

Setelah SPN21 (Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21) dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 2009, KDYMM (Kebawah Duli Yang Maha Mulia) Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memberikan teguran terhadap kurikulum SPN21 tersebut, yang menurut Baginda tidak mendokong hasrat Baginda untuk menjadikan rakyatnya sebagai generasi Al-Qur'an. Hal ini disebabkan SPN21 telah meletakkan mata pelajaran Pengetahuan Ugama Islam atau *Islamic Religious Knowledge* (IRK) sebagai mata pelajaran pilihan. Seperti titah Baginda, sebagai berikut:

Beberapa tahun yang lepas, kita sibuk dengan sambutan (sistem) pendidikan negara abad ke-21, atau SPN21. Macam-macam pendekatan orang mengenainya, termasuk yang memujinya, tetapi apabila Beta teliti terdapat satu kepincangan yang ketara. Beta dapati subjek teras (*compulsory core*) ada empat semuanya: Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, dan Sains. Beta cari mana dia subjek Ugama IRK (*Islamic Religious Knowledge*

atau Pelajaran Ugama Islam). Rupa-rupanya ia duduk bersama dalam satu kelompok dengan subjek-subjek lain, terutama subjek Muzik dan Drama. Subjek-subjek ini diberi status sebagai wajib pelengkap (*compulsory complimentary*).

Sungguh mengejutkan! Subjek ugama diduduk bersama-sama subjek muzik dan drama. Mengapa ia tidak bersama-sama dengan Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, dan Sains sebagai teras? Mengapa Bahasa Melayu subjek teras? Berangkali kerana ia disebut dalam Perlembagaan (Negeri Brunei 1959) sebagai bahasa rasmi. Kalau anda alasannya, apakah kurangnya Ugama Islam? Ia juga rasmi dalam Perlembagaan (Negeri Brunei 1959). Malah hemat Beta, ia lebih patut jadi teras kerana ia adalah ugama bangsa, ugama dari Allah yang wajib dipelajari oleh seluruh orang Islam. Jika tidak dipelajari, jadi dosa kepada mereka dan jadi tanggungan kepada negara.

Satu lagi bencananya, subjek ugama disamakan dengan subjek muzik dan drama. Ia akan dipelajari kalau dirujuk kepada *psychology* (sikologi) manusia, subjek muzik dan drama akan lebih diminati dan lebih laku, lebih diminati, dan lebih dihayati yang lain-lain, sementara subjek ugama pula pasti akan ketinggalan di belakang. Tidakkah ini munasabah dan musibah yang lain? Tidakkah ini musibah? Tidak akan ada pilihan bagi semua orang, melainkan mesti belajar muzik dan drama, tidak kira anak siapa jua [...] orang ugama atau pun bukan, mesti belajar muzik dan drama, dan natijahnya masa depan Brunei akan jadilah ia pentas muzik dan drama.

Di negara lain belum pernah terjumpa [...] jadi, ada satu dua yang mana mewajibkan muzik dan drama. Tidakkah ini satu bencana atau [...] di manakah wawasan kita untuk melahirkan generasi Al-Qur'an, kalau diganggu dengan teruknya oleh muzik dan drama?⁷

Sebenarnya, hasrat Baginda bagi mewujudkan generasi Al-Qur'an sudah tergambar daripada titah-titah Baginda sebelum ini, seperti titah Baginda untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai negara zikir. "Negara zikir" didefinisikan sebagai sebuah negara yang rakyatnya sentiasa mengingat dan menyebut Allah SWT (*Subhanahu Wa-*

⁷Lihat, lebih lanjut, "Titah KDYMM (Kebawah Duli Yang Maha Mulia) Paduka Seri Baginda Sultan di Mesyuarat Khas Bencana Kebangsaan pada 20 Rejab 1430 Hijriyah, bersamaan dengan 13 Julai 2009 Masehi" dalam *Kumpulan Titah-titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sepanjang 2009*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Ta'ala) dengan mentaati suruhan dan tegahan-Nya, mensyukuri nikmat-Nya dan tidak menkufuri-Nya, beriman dan takwa kepada-Nya sebagai syarat utama untuk mendapatkan kurnia Allah SWT yang berupa kemakmuran hidup, keamanan dan ketenteraman, serta kesejahteraan yang berpanjangan.⁸

Brunei adalah negara yang selalu bersama-sama dengan Ar-Rahman (Yang Maha Mengasihi), yang sentiasa berhias dengan zikir dan menjadikannya sebagai rutin kebiasaan. Kerana itu, Allah SWT pun, dengan rahmat-Nya, memalingkan kita dari sebarang kesusahan dan bencana dari pelbagai anasir yang boleh merosakkan keamanan. Titah Baginda, selanjutnya, adalah seperti berikut:

Beta, insya Allah, akan terus berazam untuk menjadikan Brunei Darussalam sebuah Negara Zikir, yang sentiasa mengagungkan Allah, supaya kita selalu berada dalam perhatian dan pemeliharaan-Nya, sesuai dengan janji-Nya di dalam surah Al-Baqarah ayat 152, tafsirnya: "*Kamu ingat Aku, nescaya Aku akan mengingati kamu pula*".⁹

Isu yang timbul daripada titah Baginda ini adalah dari segi pemilihan mata-mata pelajaran teras dan mata pelajaran pilihan dalam SPN21 tersebut. Pemilihan mata pelajaran semestinya disesuaikan dengan hasrat kerajaan KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, yang juga merupakan hasrat seluruh penduduk dan rakyat Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai "negara zikir".

Daripada titah Baginda ini juga memperlihatkan bahawa SPN21 kurang didedahkan kepada orang ramai, terutama kepada para akademik dan badan-badan profesional untuk dibahas dan dikemaskinikan. Misalnya, terdapat satu makalah yang membahaskan visi dan misi SPN21 ini dengan tumpuan kepada

hubungannya dengan visi dan misi Jabatan Pengajian Islam, yang menyediakan pengajaran mata pelajaran Pengetahuan Ugama Islam atau IRK (*Islamic Religious Knowledge*) di sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan. Makalah itu mempersoalkan, samada SPN21 menyokong visi dan misi Jabatan Pengajian Islam, iaitu salah sebuah Jabatan di Kementerian Hal Ehwal Ugama yang mempunyai visi ke arah membentuk masyarakat yang berilmu, beriman, beramal, dan bertakwa untuk kesempurnaan insan di dunia dan akhirat. Sementara misinya pula adalah untuk melahirkan pelajar yang kukuh aqidahnya, berkepandaian, dan berakhlak mulia melalui pendidikan Islam yang bersistem, berkualiti, dan mantap bersandarkan Al-Qur'an dan Al-Sunnah.

Disebabkan kemungkinan keghairahan ke arah pembaharuan, atau kekurangan kesepakatan dalam pendidikan di Kementerian Pendidikan dan Jabatan Pengajian Islam, sehingga pendidikan Islam itu disama-tarafkan dan terletak dengan mata pelajaran muzik dan drama; dan lebih malang lagi sebagai mata pelajaran pilihan di antara muzik dan drama.¹⁰

Menurut penulis makalah tersebut, SPN21 mendokong visi dan misi Jabatan Pengajian Islam, dalam ertikata bahawa SPN21 banyak memberikan ruang kepada mata pengetahuan Ugama Islam untuk dipelajari atau diajarkan di sekolah-sekolah di bawah kawalan Kementerian Pendidikan, iaitu dari segi: kesinambungan pengajaran subjek Pengetahuan Ugama Islam itu sendiri dari tahun 1 hingga tahun 8 secara teras, dan tahun 9 hingga tahun 11 secara pilihan (semuanya selama 11 tahun), berbanding dengan sekolah agama dibawah kawalan Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, iaitu mata pelajaran agama hanya diajarkan atau dipelajari di sekolah khas agama dari peringkat pra sekolah hingga darjah 6 (selama 7 tahun).

Bagaimanapun, pada sisi lain pula, ia tidak mendokong visi dan misi

⁸Lihat "Resolusi Seminar Negara Zikir" dalam *Majlis Ilmu* (2008).

⁹Lihat "Titah Perutusan Sultan Haji Hassanal Bolkiah sempena Sambutan Hari Raya Aidil Adha" yang disiarkan melalui *Radio Televisyen Brunei* pada 9 Zulhijjah 1428 Hijriyah bersamaan dengan 19 Disember 2007 Masehi.

¹⁰Lihat, umpamanya, artikel bertajuk "Adakah SPN21 Mendukung Visi dan Misi JPI?" dalam <http://pbnuziad.wordpress.com/category/spn21/>, mukasurat 1 [diakses di Bandar Seri Begawan: 3 Januari 2011].

Jabatan Pengajian Islam kerana, *pertama*, SPN21 tidak meletakkan mata pelajaran Pengetahuan Ugama Islam atau IRK (*Islamic Religious Knowledge*) sebagai teras dan wajib dipelajari apabila pelajar di dalam tahun 9-11. *Kedua*, pelajaran IRK sebagai mata pelajaran pilihan, ketika pelajar di tahun 9-11; dan, *ketiga*, pelajaran IRK diletakkan bersama-sama pelajaran drama dan Muzik. Kesimpulan penulis ini mungkin sebagai pembuktian terhadap titah KDYMM (Kebawah Duli Yang Maha Mulia) Paduka Seri Baginda Sultan mengenai kedudukan mata pelajaran ini seperti Pengetahuan Ugama Islam dan MIB (Melayu Islam Beraja).

Hasil daripada teguran KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tersebut, maka SPN21 telah diubah-suai dengan menjadikan mata pelajaran Pengetahuan Ugama Islam sebagai mata pelajaran teras. Begitu juga dengan mata pelajaran MIB (Melayu Islam Beraja) telah dijadikan mata pelajaran teras, bersama-sama dengan mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, dan Sains.

Selain sebagai mata pelajaran teras, Melayu Islam Beraja juga diintegrasikan secara merentas kurikulum. Hal ini bermakna bahawa semua mata pelajaran seboleh mungkin akan menyerapkan pendidikan Melayu Islam Beraja ke dalam kurikulum mata pelajaran mereka. Hal ini pula memperlihatkan bahawa Melayu Islam Beraja merupakan satu mata pelajaran yang telah diberikan perhatian dan tumpuan dalam SPN21, yang diharapkan semua pelajar sebagai pewaris bangsa dan negara akan mengetahui apa itu Melayu Islam Beraja, serta akan dapat mengamalkan dan melestarikannya bagi mewujudkan perpaduan, keharmonian, kesejahteraan, dan keamanan dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara di Brunei Darussalam.

Pada 30 September 2011, Menteri Pendidikan Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, mengatakan bahawa Sistem Pendidikan perlu direviu dan dinilai semula dengan muhasabah diri, melihat sejauh

manakah perancangan yang dirancang dapat dilaksanakan, serta apakah masalah-masalah dan isu-isu yang dihadapi dalam melaksanakan SPN21 tersebut. Menurut Yang Berhormat Pehin, dalam pelaksanaan SPN21 banyak cabaran-cabaran yang perlu dihadapi, bukan sahaja dengan sistem pendidikan teknik dan vokasional yang sedang berjalan pada masa ini, yang telah dilaksanakan oleh maktab-maktab dan sekolah teknikal, tetapi dengan pelaksanaan kemasukan pelajar akademik, iaitu memberi peluang kepada pelajar-pelajar yang kurang cenderung dalam bidang akademik untuk mengikut mata pelajaran vokasional dan teknikal di sekolah-sekolah biasa.¹¹

Ucapan Yang Berhormat Pehin ini memperlihatkan bahawa dalam proses pelaksanaan SPN21, ianya tidak terlepas daripada menghadapi beberapa isu dan cabaran. Sehubungan dengan itu, salah satu isu penting yang bersesuaian dengan tumpuan makalah ini adalah masalah menyediakan buku teks *Melayu Islam Beraja* yang bersesuaian dengan matlamat dan tujuan SPN21. Guru-guru hanya menggunakan buku-buku *Melayu Islam Beraja* yang sudah sedia ada, dan juga buku *Negaraku Tanggungjawabku* yang diterbitkan oleh Star Publishing Pte Ltd.

Dalam memastikan buku *Melayu Islam Beraja* yang digunakan mempunyai mutu yang baik dan mencapai matlamatnya, Jabatan Kurikulum dengan kerjasama Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja telah mengadakan bengkel untuk menilai buku *Negaraku Tanggungjawabku* pada 18-19 Januari 2012 di Sekolah Menengah Rimba. Hasil daripada bengkel tersebut menunjukkan bahawa buku *Negaraku Tanggungjawabku* tidak sesuai untuk dijadikan buku teks *Melayu Islam Beraja*, kerana kandungan dan beberapa ilustrasi yang digunakan kurang mendokong falsah Melayu Islam Beraja. Buku

¹¹Lihat "Ucapan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong semasa Majlis Muzakarah Bersama Pengetua-pengetua Institusi Pendidikan Teknik dan Vokasional dan Ketua-ketua Bahagian Jabatan Pendidikan Teknik yang berlangsung di Pusat SMEO VOCTECH, Gadong, pada 30 September 2011".

tersebut perlu dikemaskinikan lagi dengan pembaikan-pembaikan.

Bagi menghasilkan buku teks mengenai *Melayu Islam Beraja*, ianya perlukan buku-buku rujukan yang bersesuaian. Sejauh ini belum ada buku rujukan yang dianggap rasmi mengenai falsafah negara, yang dikeluarkan oleh Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja. Terdapat beberapa buah buku yang ditulis oleh ahli-ahli Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja, seperti: *Perlaksanaan Dasar Negara Melayu Islam Beraja* oleh Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Haji Awang Mohd Jamil al-Sufri (1996); *Melayu Islam Beraja: Suatu Pendekatan* oleh Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Md Zain bin Haji Serudin (1998); dan *Sejarah dan Peranan Institusi-institusi Melayu Islam Beraja (MIB)* oleh Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim (2000).

Walaupun buku-buku ini dikarang oleh ahli-ahli Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja, tetapi idea dan tafsiran yang dibuat mengenai falsafah negara Melayu Islam Beraja masih bersifat peribadi; dengan kata lain, belum ada buku yang menghuraikan Melayu Islam Beraja yang berautoriti diakui oleh Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja. Hal inilah yang menyebabkan Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja pada masa ini sedang berusaha menerbitkan *blueprint* atau penyata *Melayu Islam Beraja* yang nantinya akan dapat digunakan sebagai sumber rujukan rasmi.

Penggunaan Bahasa Melayu dan tulisan Jawi ada juga merupakan satu cabaran yang dihadapi dalam pelaksanaan SPN21, terutama dalam mendokong hasrat untuk memelihara dan memperkukuhkan falsafah negara Melayu Islam Beraja tersebut. Dalam SPN21, kebanyakan mata pelajaran teras dan juga mata pelajaran umum (pilihan), seperti pendidikan jasmani dan kesihatan, sains kemasyarakatan, teknologi, kesenian, dan kebudayaan diajarkan dalam Bahasa Inggeris dengan menggunakan sistem tulisan Roman. Di peringkat universiti, khususnya di Universiti Brunei Darussalam,

kebanyakan program yang ditawarkan adalah dalam Bahasa Inggeris. Hanya Program Sastera dalam pengajian Bahasa Melayu & Linguistik, dan Kesusasteraan Melayu di Fakulti Sastera dan Sains Sosial sahaja yang menawarkan kursus atau modul dalam Bahasa Melayu, bersama-sama dengan program sastera di Akademi Pengajian Brunei.

Sementara itu, kebanyakan pelajar Brunei yang menuntut di luar negeri menggunakan Bahasa Inggeris dalam pengajian mereka. Keadaan ini menjadikan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar yang dominan bagi pelajar-pelajar dalam dan luar negara. Sementara itu, tulisan Jawi hanya digunakan dalam pendidikan agama (darjah pra hingga ke darjah 6) dan langsung tidak digunakan di peringkat menengah atas dan universiti.

Penggunaan Bahasa Inggeris dan tulisan Roman yang dominan akan mengakibatkan roh dan identiti falsafah Melayu Islam Beraja lemah. Ekoran daripada ini, menyediakan guru-guru yang pakar dan mahir dalam mata pelajaran Melayu Islam Beraja tersebut juga merupakan satu masalah yang harus ditangani. Misalnya, ada guru yang diarahkan mengajar mata pelajaran Melayu Islam Beraja ini tidak mempunyai kepakaran atau latar belakang pengetahuan yang bersesuaian dengan konsep atau falsafah Melayu Islam Beraja tersebut. Terdapat guru-guru yang mengajar Melayu Islam Beraja diambil daripada guru-guru mata pelajaran yang lain, misalnya daripada guru Matematik atau guru Sains, dan sebagainya. Semua ini adalah isu-isu atau cabaran-cabaran yang harus dihadapi dalam mengukuhkan Melayu Islam Beraja di Negara Brunei Darussalam.

KDYMM (Kebawah Duli Yang Maha Mulia) Paduka Seri Baginda Sultan telah pun mengambil langkah-langkah untuk memastikan falsafah negara Melayu Islam Beraja yang setentunya menjadi dasar kepada SPN21 (Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21) tetap terpelihara. Misalnya, Baginda telah bertitah mengenai "Perintah Pendidikan Ugama Wajib 2012" yang berkuat-kuasa pada 1 Januari 2013. Perintah ini akan memastikan semua pelajar

menerima pendidikan Ugama selama 7 tahun, bersama-sama dengan mata pelajaran pengetahuan Ugama Islam di bawah Kementerian Pendidikan selama 11 tahun.

Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja pun bergiat aktif mengadakan beberapa aktiviti, yang bertujuan memberikan kefahaman dan penghayatan kepada falsafah negara Melayu Islam Beraja ini. Jadi, berdasarkan usaha-usaha yang dilakukan, SPN21 yang pengajarannya berfokuskan kepada pelajar (*student centred*) diharapkan akan dapat mengekal dan memperkasakan penggunaan Bahasa Melayu melalui mata pelajaran Bahasa Melayu, Melayu Islam Beraja, dan Pengetahuan Ugama Islam sebagai mata pelajaran teras, yang bahasa pengantarnya masih dalam Bahasa Melayu.

Selain itu juga, peranan institusi-institusi kerajaan seperti Dewan Bahasa dan Pustaka, Universiti Brunei Darussalam, Kolej Universiti Perguruan Ugama, Pusat Dakwah, Jabatan Mufti, Jabatan Adat-Istiadat, dan badan-badan NGO (*Non-Governmental Organization*) yang lain, seperti Majlis Belia-belia Brunei, Persatuan Penulis ASTERAWANI, Persatuan Sejarah PESEBAR, Persatuan Putera Seni, dan Persatuan Linguistik Brunei diharap akan dapat memberikan sumbangan dalam memperkukuhkan syiar agama Islam, memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara, serta memelihara sistem pemeritahan beraja yang sudah diwarisi turun-temurun.

KESIMPULAN

Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21, atau SPN21, yang telah mula diperkenalkan dalam tahun 2008 dan dilaksanakan sepenuhnya pada 5 Januari 2009, adalah bertujuan bagi memenuhi keperluan-keperluan dan cabaran-cabaran perkembangan pembangunan ekonomi dan sosial abad ke-21, serta menyediakan pendidikan yang berkualiti dengan memberikan pendidikan yang serba lengkap bagi mencapai pontensi yang penuh bagi semua dalam menghadapi kemajuan dan perkembangan dunia global pada masa ini. Oleh itu, dalam rangka kurikulum SPN21,

lima mata pelajaran telah dijadikan sebagai mata pelajaran teras dan beberapa mata pelajaran yang lain dijadikan sebagai mata pelajaran pilihan yang dapat membantu pelajar memperolehi pengetahuan, kemahiran, kepakaran, dan nilai-nilai akhlak yang mulia.

Sebagai sebuah negara Melayu yang mengamalkan nilai-nilai dan budaya Melayu, ajaran Islam, dan sistem pemerintahan Beraja, maka falsafah Melayu Islam Beraja telah dijadikan sebagai dasar dalam SPN21, dengan meletakkan mata pelajaran Bahasa Melayu, Pengetahuan Ugama Islam, dan Melayu Islam Beraja sebagai mata pelajaran teras. Hal ini memperlihatkan bahawa sistem pendidikan yang telah diperkenalkan sejak tahun 1954 telah terus memberikan penekanan kepada falsafah negara, yang sudah diwarisi sejak sekian lama dengan perubahan-perubahan mengikut keperluan dan tuntutan perkembangan ilmu pengetahuan dan kemajuan dunia pada masa ini.

Sistem pendidikan Brunei itu sendiri telah berubah, bermula dengan Dasar Pendidikan 1954, kemudian 1962, 1972, 1984, 2002, dan akhirnya SPN21 pada tahun 2009. Perubahan-perubahan ini memperlihatkan bahawa satu-satu sistem pendidikan yang diperkenalkan itu mempunyai kelemahan dan perlu dinilai bagi menyesuaikan dengan keperluan dan perkembangan semasa. Satu-satu sistem pendidikan itu juga tidak terlepas daripada menerima cabaran dan isu-isu semasa, yang kesemuanya membantu dalam mewujudkan suatu sistem pendidikan yang baru dan yang lebih baik.

SPN21, yang telah dirancang dengan penyesuaian daripada sistem sebelumnya, tidak terlepas pula daripada isu dan cabaran tersebut, terutama dalam isu untuk memperkukuhkan falsafah negara Melayu Islam Beraja itu sendiri, khususnya penggunaan Bahasa Melayu, dan kekurangan guru-guru serta buku-buku mengenai *Melayu Islam Beraja*. Bagaimanapun, dengan sokongan KDYMM (Kebawah Duli Yang Maha Mulia) dan tanggungjawab semua rakyat

Brunei Darussalam, maka SPN21 akan dapat mencapai tujuan dan matlamatnya, khususnya dalam memelihara dan memperkukuhkan falsafah negara Melayu Islam Beraja tersebut.

Bibliografi

- “Adakah SPN21 Mendukung Visi dan Misi JPI?” dalam <http://pbnuziad.wordpress.com/category/spn21/>, mukasurat 1 [diakses di Bandar Seri Begawan: 3 Januari 2011].
- Asbol bin Haji Mail, Haji Awg. (2006). *Sejarah Perkembangan Pendidikan di Brunei, 1950 – 1985*. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei.
- Awg Mohd Jamil al-Sufri, Pehin Haji. (1992). *Liku-liku Perjuangan Pencapaian Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Pusat Sejarah Bunei.
- Awang Mohd Jamil al-Sufri, Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Haji. (1996). *Perlaksanaan Dasar Negara Melayu Islam Beraja*. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei.
- Awang Mohd Jamil al-Sufri, Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Haji. (2008). *Melayu Islam Beraja: Hakikat dan Hasrat*. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei.
- Awang Mohd Jamil al-Sufri, Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Haji. (2009). *Satu Pemikiran Mengenai Corak Pendidikan untuk Brunei Darussalam Berasaskan Islam: Melalui Pengalaman dan Sejarah*. Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: Pusat Sejarah Brunei.
- Awg Yahya bin Haji Ibrahim, Pehin Ustaz Haji. (2000). *Sejarah dan Peranan Institusi-institusi Melayu Islam Beraja*. Bandar Seri Begawan: Pusat Da'wah Islamiah.
- Duraman Tuah, Haji. (2001). *Membangun Negara Berdasarkan Falsafah Melayu Islam Beraja: Brunei Darussalam*. Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: Institut Perkhidmatan Awan.
- Hadi Abdullah, Muhamad. (1992). “Semangat Kebangsaan: Kesedaran Awal” dalam *Jurnal Darussalam*, Bil.1.
- Haji Abdul Hamid, Haji Hashim. (1993). *Junjung Tinggi*. Bandar Seri Begawan: Tanpa Penerbit.
- Haji Abdul Hamid, Haji Hashim. (1999). *Cerocok Budaya Brunei*. Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: Akademi Pengajian Brunei UBD [Universiti Brunei Darussalam].
- Haji Abdul Hamid, Haji Hashim. (2003). *Islam di Brunei Darussalam: Satu Analisis Sosio-Budaya*. Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: Jabatan Kesusasteraan Melayu UBD [Universiti Brunei Darussalam].
- Haji Abdul Hamid, Haji Hashim. (2005). *Tamadun Brunei: Suatu Dinamika Budaya dan Ketuanan Melayu*. Bandar Seri Begawan: Tanpa Penerbit.
- Haji Ahmad, Zaini. (1989). *Pertumbuhan Nasionalisme di Brunei (1939-1962)*. Kuala Lumpur: ZR Publications.
- Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim, Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz. (2000). *Sejarah dan Peranan Institusi-institusi Melayu Islam Beraja (MIB)*. Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: Pusat Da'wah Islamiah.
- Haji Ibrahim, Haji Abd Latif. (2003). *Melayu Islam Beraja: Pengantar Huraian*. Brunei: Akademi Pengajian Brunei UBD [Universiti Brunei Darussalam].
- Haji Jibah, Matassim. (1983). “Perkembangan Persekolahan Melayu di Brunei dalam Pentabiran Sistem Residen, 1906-1959” dalam *The Brunei Museum Journal*, Vol.5, No.3.
- Haji Md Zain bin Haji Serudin, Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr Ustaz. (1998). *Melayu Islam Beraja: Suatu Pendekatan*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- JPK [Jabatan Perkembangan Kurikulum]. (2009). *Kerangka dan Panduan bagi Kurikulum dan Penilaian Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam.
- MoE [Ministry of Education] Brunei Darussalam. (2012). *Strategic Plan, 2012-2017, Ministry of Education Brunei Darussalam*. Bandar Seri Begawan: Strategic Management Unit, Department of Planning, Development, and Research MoE Brunei Darussalam.
- “Resolusi Seminar Negara Zikir” dalam *Majlis Ilmu*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam, 2008.
- “Sistem Pelajaran Kita Harus Segara Dirubah” dalam *Majalah Suara Guru*, Keluaran ke-3. Brunei: Persekutuan Guru-guru Melayu Brunei, Februari 1962.
- “Titah daripada KDYMM (Kebawah Duli Yang Maha Mulia) Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, semasa Pengistiharaan Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam, pada 1hb Januari 1984”.
- “Titah daripada KDYMM (Kebawah Duli Yang Maha Mulia) Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, semasa sempena ulang tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang ke-19, pada 23 Februari 2003”.
- “Titah KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dalam titahnya di Sambutan Hari Guru Tahun 2008”.
- “Titah KDYMM (Kebawah Duli Yang Maha Mulia) Paduka Seri Baginda Sultan di Mesyuarat Khas Bencana Kebangsaan pada 20 Rejab 1430 Hijriyah, bersamaan dengan 13 Julai 2009 Masehi” dalam *Kumpulan Titah-titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sepanjang 2009*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.
- “Titah Perutusan Sultan Haji Hassanal Bolkiah sempena Sambutan Hari Raya Aidil Adha” yang disiarkan melalui *Radio Televisyen Brunei* pada 9 Zulhijjah 1428 Hijriyah, bersamaan dengan 19 Disember 2007 Masehi.
- “Ucapan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong semasa Majlis Muzakarah Bersama Pengetua-pengetua Institusi Pendidikan Teknik dan Vokasional dan Ketua-ketua Bahagian Jabatan Pendidikan Teknik yang berlangsung di Pusat SMEO VOCTECH, Gadong, pada 30 September 2011”.